



15 Jun 2026
15 June 2026
P.U. (A) 222

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN BAGI PERBELANJAAN BERHUBUNG DENGAN
PEMBELIAN KELUARAN KRAF TANGAN) 2026

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE
IN RELATION TO PURCHASE OF HANDICRAFT PRODUCT)
RULES 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN
BERHUBUNG DENGAN PEMBELIAN KELUARAN KRAF TANGAN) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] dibaca bersama-sama perenggan 33(1)(d) Akta, Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Pembelian Keluaran Kraf Tangan) 2026**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“perbelanjaan yang layak” ertinya perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat yang layak sebagaimana yang diperuntukkan dalam kaedah 5;

“keluaran kraf tangan” ertinya—

- (a) produk hiasan songket tenun;
- (b) produk hiasan tembikar;
- (c) produk pinggan mangkuk berasaskan seramik;
- (d) produk hiasan berasaskan mengkuang;
- (e) produk hiasan batik;

- (f) produk hiasan berasaskan kayu atau buluh dan tidak termasuk perabot; dan
- (g) produk hiasan piuter;

“syarikat yang layak” ertinya suatu syarikat sebagaimana yang diperuntukkan dalam kaedah 4.

Potongan

3. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan suatu syarikat yang layak daripada perniagaan hotel dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi suatu amaun yang bersamaan dengan amaun perbelanjaan yang layak yang dilakukan oleh syarikat yang layak dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(2) Amaun potongan yang disebut dalam subkaedah (1) tidak boleh melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit bagi setiap tahun taksiran itu.

Syarikat yang layak

4. Syarikat yang layak yang disebut dalam Kaedah-Kaedah ini ialah suatu syarikat yang—

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dan bermastautin di Malaysia;
- (b) menjalankan perniagaan hotel; dan
- (c) hotel itu berdaftar dengan Kementerian yang bertanggungjawab bagi pelancongan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*] dan diberikan penarafan sebagai satu hingga lima bintang.

Perbelanjaan yang layak

5. (1) Perbelanjaan yang layak yang disebut dalam Kaedah-Kaedah ini ialah perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat yang layak bagi pembelian keluaran kraf tangan buatan Malaysia daripada orang yang berdaftar dengan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia di bawah Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 [Akta 222] dengan syarat bahawa—

- (a) keluaran kraf tangan yang dibeli itu adalah bagi kegunaan dalam premis hotel syarikat yang layak itu; dan
- (b) pembelian keluaran kraf tangan itu hendaklah dibuat dalam tempoh mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025.

(2) Perbelanjaan yang layak yang disebut dalam subkaedah (1) tidak termasuk perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat yang layak bagi maksud—

- (a) pembayaran yuran pereka;
- (b) pembayaran yuran profesional; dan
- (c) pembelian koleksi barangan antik.

(3) Jika syarikat yang layak mempunyai perbelanjaan yang layak yang melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit sebagaimana yang diperuntukkan dalam subkaedah 3(2) bagi tempoh asas dalam suatu tahun taksiran, amaun lebihan itu tidak boleh dibawa ke hadapan dan dipotong dalam menentukan pendapatan laranan syarikat yang layak itu bagi setiap tahun taksiran yang berikutnya.

Ketidakkapaian

6. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi syarikat yang layak yang telah melakukan perbelanjaan yang layak jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran itu syarikat yang layak itu—

- (a) telah diberikan potongan di bawah subseksyen 33(1) Akta berkenaan dengan perbelanjaan yang layak yang sama; atau
- (b) telah menuntut elaun modal bagi perbelanjaan yang layak di bawah Jadual 3 kepada Akta.

Dibuat 7 Mei 2026

[Perb. MOF.TAX(S)700-2/7/991; LHDN.AY.A 600-12/1/7 (29)-404; PN(PU2)80/JLD.116]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967*]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE
IN RELATION TO PURCHASE OF HANDICRAFT PRODUCT) RULES 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53] read together with paragraph 33(1)(d) of the Act, the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Expenditure in relation to Purchase of Handicraft Product) Rules 2026**.

(2) These Rules are deemed to have come into operation on 1 January 2023.

Interpretation

2. In these Rules—

“qualifying expenditure” means an expenditure incurred by the qualifying company as provided in rule 5;

“handicraft products” means—

(a) a hand-woven songket decorative product;

(b) a pottery decorative product;

(c) a ceramic based crockery product;

(d) a screwpine based decorative product;

(e) a batik decorative product;

(f) a wood or bamboo based decorative product excluding furniture; and

(g) a pewter decorative product;

“qualifying company” means a company as provided in rule 4.

Deduction

3. (1) For the purpose of ascertaining the adjusted income of a qualifying company from a hotel business in a basis period for a year of assessment, a deduction shall be allowed for an amount equivalent to the amount of qualifying expenditure incurred by the qualifying company in the basis period for the year of assessment.

(2) The amount of deduction referred to in subrule (1) shall not exceed one hundred fifty thousand ringgit for each year of assessment.

Qualifying company

4. A qualifying company referred to in these Rules is a company which—

(a) is incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777] and resident in Malaysia;

(b) is carrying on a hotel business; and

(c) the hotel is registered with the Ministry charged with the responsibility for tourism under the Tourism Industry Act 1992 [Act 482] and has been rated as one star to five stars.

Qualifying expenditure

5. (1) A qualifying expenditure referred to in these Rules is an expenditure incurred by the qualifying company for purchasing Malaysian made handicraft products from a person who is registered with the Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia under the Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Act 1979 [Act 222] with the conditions that—

(a) such purchased handicraft product is for the usage in the hotel premises of the qualifying company; and

(b) the purchased of the handicraft product is made within the period from 1 January 2023 until 31 December 2025.

(2) The qualifying expenditure referred to in subrule (1) shall not include the qualifying company's expenditure for the purpose of—

(a) payment of designer fees;

(b) payment of professional fees; and

(c) purchase of collectible antiques.

(3) Where the qualifying company has qualifying expenditure which exceeds one hundred fifty thousand ringgit as provided in subrule 3(2) for a basis period for a year of assessment, the excess amount shall not be carried forward and deducted in ascertaining the adjusted income of the qualifying company for each subsequent years of assessment.

Non-application

6. These Rules shall not apply to a qualifying company which has incurred qualifying expenditure if in the basis period for that year of assessment the qualifying company—

(a) has been granted a deduction under subsection 33(1) of the Act in respect of the same qualifying expenditure; or

(b) has claimed capital allowances for qualifying expenditure under Schedule 3 to the Act.

Made 7 May 2026

[Perb. MOF.TAX(S)700-2/7/991; LHDN.AY.A 600-12/1/7 (29)-404; PN(PU2)80/JLD.116]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Minister of Finance II

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]